



13 DEC, 2023

Hasil kerajaan RM294.4 bilion bagi 2022

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Ini termasuk kutipan hasil cukai berjumlah RM208.8 bilion

Hasil kerajaan RM294.4 bilion bagi 2022

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR – Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan memaklumkan, hasil kerajaan Persekutuan mencatatkan sebanyak RM294.4 bilion bagi tahun 2022.

Beliau berkata, hasil cukai merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan kutipan hasil merangkumi 70.9 peratus daripada jumlah hasil atau 11.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala hasil bukan cukai sebanyak 29.1 peratus daripada jumlah hasil iaitu 4.8 peratus daripada KDNK.

Selain itu, Ahmad memaklumkan kutipan hasil cukai secara keseluruhan bagi tahun 2022 direkodkan sebanyak RM208.8 bilion.

"Daripada jumlah tersebut, hasil cukai langsung yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah sebanyak RM153.5



bilion yang telah disumbangkan terutamanya oleh peningkatan cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan petroleum yang lebih tinggi.

"Peningkatan ini berikutan daripada keuntungan korporat yang lebih baik dan prestasi ekonomi yang kukuh pada tahun 2022," katanya di Dewan Negara di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Senator Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh** yang minta Kementerian Kewangan menyatakan jumlah sebenar kutipan cukai dan hasil



AHMAD

negara mengikut agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan bagi setiap negeri di Malaysia sepanjang tahun 2022.

Sementara itu, Ahmad memberitahu, kutipan cukai tidak langsung dikutip oleh Jabatan

Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pula adalah sebanyak RM55.3 bilion yang disumbangkan oleh hasil cukai jualan dan perkhidmatan, duti eksais dan duti eksport yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

"Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan yang lebih kukuh dan tinggi bagi industri automotif, makanan dan minuman, telekomunikasi dan insurans serta peningkatan permintaan global.

"Sementara itu, hasil bukan cukai telah menyumbang sebanyak RM85.6 bilion yang terdiri daripada bayaran dividen kepada kerajaan, kutipan lesen dan permit, royalti petroleum dan levi pekerja asing," jelasnya.

Ahmad berkata, LHDN dipertanggungjawabkan mengutip hasil cukai langsung mengikut setiap negeri.

Ini katanya, merangkumi cukai pendapatan syarikat dan

individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem.

"Jabatan Kastam Diraja Malaysia pula mengutip hasil cukai tidak langsung yang terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barangbarang dan levi pelepasan.

"Hasil kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan," katanya.

Ujarnya lagi, laporan tersebut boleh disemak dan dimuat turun oleh orang ramai dari laman web khas belanjawan tahunan iaitu di <https://belanjawan.mof.gov.my/ms/>.



13 DEC, 2023

Hasil kerajaan RM294.4 bilion bagi 2022

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Ini termasuk kutipan hasil cukai berjumlah RM208.8 bilion

KUALA LUMPUR - Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan memaklumkan, hasil kerajaan Persekutuan mencatatkan sebanyak RM294.4 bilion bagi tahun 2022. Beliau berkata, hasil cukai merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan kutipan hasil merangkumi 70.9 peratus daripada jumlah hasil atau 11.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala hasil bukan cukai sebanyak 29.1 peratus daripada jumlah hasil iaitu 4.8 peratus daripada KDNK.